

Isu Penerapan Nilai Islam Dalam Penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia

Khairul Azhar Meerangani

Fakulti Keilmuan Islam
Kolej Universiti Islam Melaka
Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka

khairulazhar@kuim.edu.my

ABSTRAK

Perlembagaan Persekutuan menjamin hak kebebasan beragama setiap warganegara di Malaysia. Tiada sebarang paksaan boleh dikuatkuasakan terhadap pihak berbeza agama untuk menerima dan mengamalkan sesuatu ajaran dan kepercayaan. Namun begitu, beberapa tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah disalahfahami sebagai cubaan untuk memaksakan penerapan nilai Islam terhadap golongan bukan Islam. Kajian ini bertujuan menganalisis isu dan dakwaan yang dikemukakan serta menilai sama ada tindakan oleh PBT tersebut hanya berdasarkan sentimen keagamaan atau mengikut lunas undang-undang yang telah diperuntukkan. Tiga isu yang difokuskan dalam kajian ini adalah larangan salon unisex oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), penguatkuasaan garis panduan papan iklan oleh Majlis Bandaraya Alor Star (MBAS) dan rampasan minuman keras oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis teks Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang menyentuh perihal bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengawal dan menyelia masyarakat menerusi pewartaan undang-undang kecil. Peruntukan ini seterusnya dianalisis secara induktif bagi merumuskan kedudukan isu yang dikaji. Tindakan penguatkuasaan yang dilakukan oleh ketiga-tiga PBT dalam isu ini dilihat mengikut bidang kuasa yang telah diperuntukkan dan tidak melanggar hak mana-mana golongan bukan Islam di negara ini. Pematuhan terhadap arahan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa adalah penting untuk mewujudkan keharmonian dalam kalangan masyarakat serta mengelakkan polemik dan provokasi berterusan yang boleh dicetuskan oleh pihak-pihak tertentu.

Kata Kunci: Kebebasan Beragama, Pihak Berkuasa Tempatan, Nilai Islam, Penguatkuasaan, Akta Kerajaan Tempatan 1976

ABSTRACT

The Federal Constitution guarantees the right to freedom of religion of every citizen in Malaysia. No coercion can be applied to any religious followers to accept and practice a specific religious teaching and belief in the country. However, some enforcement acts implemented by Local Authorities (PBTs) have been misunderstood as an attempt to impose Islamic values on non-Muslims. This study aims to analyze the issues by examining whether the actions of the Local Authorities are based only on religious sentiments or in accordance with the provisions of the law. Three enforcement acts were highlighted in this study. They include the ban on unisex salons by the Kota Bharu Municipal Council (MPKB), enforcement of billboards by the Alor Star City Council (MBAS) and the seizure of liquor by the Shah Alam City Council (MBSA). The study used a qualitative approach by analyzing the text of the Local Government Act 1976 which addresses the authority of the Local Authorities to control and oversee the society through the proclamation of the by-laws. This provision is further analyzed indiscriminately to summarize the issues being studied. The study found that the enforcement acts undertaken by the three PBTs were in compliance with the stated jurisdictions and the acts were not violating the rights of the non-Muslims in this country. Compliance with the rules and regulations set by the authorities is important to create harmony among the public as well as to avoid the ongoing polemic and provocation that can be triggered by certain parties.

Keywords: Freedom of Religion, Local Authorities, Islamic Values, Enforcement, Local Government Act 1976

1. Pengenalan

Islam mempunyai kedudukan yang istimewa dalam sejarah pentadbiran di Malaysia baik semasa zaman penjajahan mahupun pasca-kemerdekaan. Melihat kepada penggubalan dan pengamalan dasar-dasar pemerintahan dan pentadbiran awam di Malaysia, peranan Islam bukan terhad kepada amalan ritual dan kepercayaan semata-mata bahkan turut dijadikan sebagai rujukan dan elemen utama yang diterapkan dalam sesuatu polisi awam (Kamil & Rahimin, 2006). Perkara ini dapat dibuktikan menerusi usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam memastikan prinsip-prinsip Islam yang universal dapat diterapkan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam dasar pentadbiran semasa. Usaha ini antaranya dimulakan dengan pengenalan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dan kemudiannya diikuti dengan Gagasan Islam Hadhari serta Indeks Syariah Malaysia. Namun begitu, pelaksanaan dasar ini telah menerima pelbagai reaksi terutamanya daripada sebahagian masyarakat

bukan Islam yang melihatnya sebagai suatu bentuk pencerobohan terhadap hak kebebasan beragama mereka sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan (Abd. Rahman, 2009). Sebenarnya, pengenalan dasar-dasar ini merupakan suatu usaha membentuk modal insan yang berkualiti serta proaktif dalam melaksanakan peranan yang dipegang dalam sesebuah keluarga, masyarakat mahupun negara. Ini kerana kecemerlangan dan kegemilangan hakiki sesebuah negara bukan hanya diukur dari sudut kemajuan material yang terdapat di negara tersebut sahaja, tetapi bagaimana kemajuan tersebut mampu diselarikan dengan nilai-nilai murni seperti sikap amanah dan tanggungjawab yang merupakan kayu ukur penting yang mampu mengangkat martabat sesebuah negara (Abd. Rahman, 2009.). Oleh sebab itu, Malaysia berusaha mewujudkan masyarakat maju yang beridentitikan Islam. Hal ini berasas kepada kesedaran betapa pembangunan fizikal atau material tanpa disertai dengan pembangunan rohani, lambat-laun akan menjerumuskan negara ke jurang kehancuran lantaran sikap negatif dan salah laku masyarakatnya.

Usaha memperkasakan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran ini tidak hanya tertumpu di peringkat persekutuan, namun turut dilaksanakan di peringkat negeri-negeri di Malaysia. Hal ini bertujuan menyemarakkan lagi pengaplikasian nilai-nilai Islam bagi memandu hala tuju pentadbiran dan pemerintahan di peringkat negeri. Dalam merealisasikan usaha tersebut, kerajaan Kelantan sebagai contoh telah memperkenalkan slogan “Membangun Bersama Islam” seterusnya menjenamakan semula Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) kepada Majlis Perbandaran Kota Baharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI). Selain aspek pentadbiran, penerapan nilai Islam ini turut diimplementasikan dalam aspek penguatkuasaan khususnya menerusi bidang kuasa yang diperuntukkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan di setiap negeri. Pihak Berkuasa Tempatan ini telah diberikan kuasa untuk menguatkuasakan peraturan dan melaksanakan tindakan-tindakan yang dirasakan perlu bagi mengawal nilai moral dalam masyarakat (Zainuddin & Dinsman, 2000). Namun begitu, sebahagian tindakan penguatkuasaan oleh PBT telah disalahfahami sebagai cubaan memaksakan penerapan nilai Islam terhadap pihak bukan Islam. Tiga isu telah difokuskan dalam kajian ini iaitu larangan salon unisex oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), penguatkuasaan garis panduan papan iklan oleh Majlis Bandaraya Alor Star (MBAS) dan rampasan minuman keras oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Ketiga-tiga isu ini dilihat telah mencetuskan kontroversi

dan bantahan terutamanya daripada pihak bukan Islam sehingga menimbulkan kekeliruan dan ketegangan dalam kalangan masyarakat. Maka, kajian ini akan menilai kedudukan isu tersebut berdasarkan perspektif bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan serta kebenaran persepsi yang ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu sama ada bermotifkan politik semata-mata atau mempunyai asas daripada aspek perundangan.

2. Penguatkuasaan Menurut Islam

Islam menjamin pelunasan hak terhadap golongan bukan Islam dalam aspek pengadilan dan perundangan menerusi peruntukan undang-undang jenayah dan undang-undang peribadi. Hal ini sebagaimana yang dapat difahami menerusi ayat yang berikut:

فَإِنْ جَاءُوكَ فَأَحْكُم بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْرَضْ عَنْهُمْ وَإِنْ تُعْرِضْ عَنْهُمْ فَلَنْ يَضُرُّوكَ شَيْئًا وَإِنْ حَكَمْتَ فَأَحْكُم بَيْنَهُمْ بِالْقِسْطِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Terjemahan: Oleh itu jika mereka datang kepadamu, maka hukumlah di antara mereka (dengan ketetapan Allah) atau berpalinglah daripada mereka. Jika engkau berpaling daripada mereka maka mereka tidak mampu memudaratkanmu sedikit pun, dan jika engkau (memilih) menghukum mereka maka hukumlah secara adil. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang adil.

Surah al-Mā'idah 5:42

Ayat tersebut memberikan kebebasan dan pilihan kepada golongan bukan Islam untuk melaksanakan undang-undang persendirian agama mereka sendiri ataupun tertakluk kepada undang-undang persendirian Islam (al-Razi, 1981). Secara asasnya, dalam sistem perundangan negara Islam, golongan bukan Islam hanya mempunyai keterikatan dengan undang-undang jenayah di mana mereka perlu melalui proses perbicaraan dan pendakwaan berdasarkan peruntukan yang sama dengan umat Islam khususnya bagi jenayah kecurian, rompakan, tuduhan zina, pembunuhan dan perzinaan (al-Mawdudi, 1946).

Dalam urusan kekeluargaan (*ahwāl al-syakhsyyah*) pula, mereka dibenarkan untuk meneruskan peraturan yang dibenarkan oleh agama mereka meskipun peraturan tersebut bercanggah menurut Islam. Sebagai contoh, seorang Majusi dan Yahudi yang mengahwini mahram mereka serta Kristian yang meminum arak dan memakan khinzir tidak boleh

dijatuhkan sebarang hukuman kerana perkara tersebut dibenarkan di dalam ajaran agama mereka (al-Qardawi, 1992). Hal yang sama juga berlaku dalam bidang perniagaan di mana setiap peraturan dan prosedur yang dibenarkan dalam ajaran agama mereka boleh terus diaplikasikan selagi mana tidak menyalahi dasar utama sistem perundangan negara namun wujud larangan yang khusus terhadap pengamalan transaksi berteraskan riba kerana menzalimi masyarakat yang kurang berkemampuan (Abd al-Hakim, 2008).

Al-Siyasah al-syar'iyah merujuk kepada suatu tindakan pentadbiran atau pemerintahan berasaskan kemaslahatan bagi mencapai *maqasid syar'iyah* (meraih kebaikan dan menghindar kemudaratan) meskipun tidak dinyatakan secara langsung menerusi wahyu (Ibn Farhun, t.t). Dalam erti kata yang lain, ia merupakan satu sistem yang mengaplikasikan kehendak-kehendak syarak menurut kemaslahatan semasa dalam bentuk pentadbiran bagi merealisasikan objektif-objektif syariah (Ibn Qayyim, 1996). Maka, berdasarkan kaedah *al-siyāsah al-syar'iyah*, setiap pemerintah berhak melaksana serta menguatkuasakan sesuatu peraturan dan peruntukan yang dirasakan perlu bagi mewujudkan kebaikan kepada manusia serta memelihara mereka daripada sebarang bentuk kerosakan dan kebinasaan meskipun perkara tersebut tidak dinyatakan secara langsung di dalam al-Quran dan al-Sunnah (Ibn Qayyim, 1996).

Hal ini sebagaimana keputusan Khalifah Umar yang mengeluarkan larangan percampuran antara wanita Muslimah dan wanita bukan Islam dalam tempat mandian awam di Iraq setelah menerima aduan daripada gabenornya, Abū 'Ubaidah al-Jarrāh kerana perkara tersebut telah mengundang masalah yang besar iaitu kesulitan bagi melaksanakan tuntutan penjagaan aurat (Atiyyah, t.t). Dalam isu ini, Khalifah Umar telah menggunakan pendekatan pencegahan (*sadd al-dhara'i*) bagi menutup pintu-pintu kerosakan yang berpotensi mengancam kesejahteraan awam dan mencetuskan ketidakharmonian dalam masyarakat (al-Burhani, t.t). Namun begitu, arahan sekatan dan pengasingan yang dikeluarkan oleh pihak pemerintah dalam menangani isu ini hanya membabitkan kawasan tertentu sahaja iaitu di tempat-tempat mandian awam. Ini kerana kawasan tersebut mempunyai potensi untuk berlakunya percampuran secara meluas sehingga menyukarkan usaha untuk memelihara aurat. Isu pergaulan dan pemeliharaan aurat ini tidak dibangkitkan di tempat-tempat awam lain seperti premis perniagaan dan pejabat kerajaan. Namun jika fenomena pendedahan aurat telah berleluasa, merebak dan terbuka di tempat-tempat awam yang lain, maka

pendekatan undang-undang yang sama sudah pastinya perlu dilaksanakan bagi membendung gejala tersebut.

Dalam rangka mencegah fenomena tersebut daripada berleluasa sehingga menjejaskan ketenteraman awam, peraturan tersebut perlu dilaksanakan bagi membendung gejala kesusilaan ini (Mohd Azhar & Raihanah, 2010). Tindakan ini dilaksanakan di bawah bidang kuasa takzir yang memperuntukkan tiga bentuk pengawalan dan pencegahan sesuatu jenayah melibatkan kepentingan masyarakat, keamanan dan ketenteraman awam serta kesusilaan masyarakat (Ahmad, 1997). Oleh itu, setiap bentuk jenayah dan perlakuan yang dirasakan berpotensi menjejaskan ketiga-tiga elemen tersebut mewajarkan pihak pemerintah untuk menguatkuasakan peraturan yang bersesuaian terhadap setiap lapisan masyarakat tanpa mengira agama. Kaedah pengawalan masyarakat melalui pelaksanaan peraturan dan hukuman yang ditetapkan oleh pemerintah mampu merealisasikan objektif sosial *al-siasah al-syar'iyah* iaitu untuk mencegah dan mendidik masyarakat (*al-zajr wa al-ta'dib*).

Sistem pemerintahan di Malaysia memperuntukkan kedudukan Kerajaan Tempatan sebagai lapisan ketiga dalam hierarki pentadbiran selepas kerajaan persekutuan dan negeri. Walau bagaimanapun, kawalan terhadap setiap dasar kerajaan Tempatan diletakkan di bawah bidang kuasa negeri. Setiap pihak berkuasa tempatan diberikan kuasa di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) untuk menguatkuasakan sebarang peraturan dan tindakan yang dirasakan perlu dalam memelihara kepentingan masyarakat setempat. Peruntukan ini dinyatakan secara jelas menerusi Seksyen 102 Bahagian XIII Undang-Undang Kecil iaitu:

Selain daripada kuasa untuk membuat undang-undang kecil yang diberi dengan nyata atau secara tersirat kepada pihak berkuasa tempatan oleh mana-mana peruntukan lain Akta ini, tiap-tiap pihak berkuasa tempatan boleh dari semasa ke semasa membuat, meminda dan membatalkan undang-undang kecil mengenai segala perkara yang perlu atau diingini untuk memelihara kesihatan, keselamatan dan kesentosaan penduduk atau untuk mengadakan aturan dan pengelolaan yang baik bagi kawasan pihak berkuasa tempatan dan khususnya mengenai segala atau mana-mana daripada maksud yang berikut: (s) mengawal dan menyelia, dengan pendaftaran, pelesenan atau selainnya, termasuk dalam keadaan wajar dengan melarang sesuatu tred, perniagaan atau perindustrian dari jenis

yang memudaratkan atau yang boleh menjadi punca kacau ganggu kepada orang awam atau sesuatu kelas orang awam

Seksyen 104 Bahagian XIII pula memperuntukkan kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengenakan sebarang penalti kepada mana-mana pihak yang secara jelas telah melanggar undang-undang yang ditetapkan seperti berikut:

Sesuatu pihak berkuasa tempatan boleh, dengan undang-undang kecil, kaedah atau peraturan, menetapkan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya bagi pelanggaran mana-mana undang-undang kecil, kaedah dan peraturan dan, mengenai sesuatu kesalahan yang berterusan ia boleh menetapkan sejumlah wang tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Berdasarkan peruntukan tersebut, Pihak Berkuasa Tempatan sebenarnya bidang kuasa yang besar untuk menguatkuasakan sesuatu peraturan berdasarkan penekanan terhadap tiga aspek utama iaitu kesihatan awam, keselamatan masyarakat dan kesentosaan penduduk. Maka, sebarang pewartaan undang-undang kecil dalam rangka merealisasikan ketiga-tiga aspek tersebut sewajarnya tidak disalahertikan sebagai cubaan memaksakan penerapan nilai Islam terhadap pihak berbeza agama.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dalam proses pengumpulan data dan menganalisis data. Penyelidikan kualitatif memfokuskan kepada usaha untuk mendapatkan maklumat bukan numerikal (Cresswell, 2013) yang dapat memberikan keterangan mendalam tentang latar belakang sesuatu perkara. Kajian kualitatif menggunakan pendekatan yang semulajadi untuk memahami keadaan sebenar suatu fenomena dalam konteks yang khusus tanpa memanipulasi apa-apa situasi sebenar (Patton, 2002). Dalam kajian ini, kandungan teks Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang menyentuh perihal kuasa Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengawal dan menyelia masyarakat menerusi pewartaan undang-undang kecil telah dianalisis bagi mengenal pasti kedudukannya dalam isu yang dinyatakan. Analisis kandungan dalam

kajian kualitatif lebih melihat teks sebagai interpretasi makna secara dalaman dan subjektif. Berg (1988) membezakan analisis kandungan (kualitatif) sebagai kelebihan dalam meneliti sesuatu kandungan berdasarkan context dan process. Aspek *context* dilihat melalui isi kandungan utama secara tersirat (*latent content*) manakala aspek *process* melibatkan proses interpretasi teks yang dijalankan secara teliti dan berulang-ulang kali. Kandungan ini seterusnya dianalisis secara induktif bermula dengan pemerhatian terperinci dalam situasi yang umum dan kemudiannya bergerak ke arah menggubal pandangan dan teori yang lebih khusus (Bennard, 2011). Pendekatan ini digunakan untuk menggambarkan permasalahan atau fenomena yang sedang dikaji seterusnya dapatan kajian akan digunakan menuju ke arah pembentukan kesimpulan khusus yang bersesuaian dengan permasalahan yang dikaji.

4. Analisis Isu

Kajian ini memfokuskan tiga iaitu larangan salon unisex oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), penguatkuasaan garis panduan papan iklan oleh Majlis Bandaraya Alor Star (MBAS) dan rampasan minuman keras oleh Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Justifikasi pemilihan ketiga-tiga isu ini kerana ia dilihat telah mencetuskan bantahan terutamanya daripada pihak bukan Islam. Bantahan ini seterusnya telah dieksploitasi oleh pihak-pihak tertentu sebagai modal politik sehingga menimbulkan kekeliruan dan salah faham dalam kalangan masyarakat.

4.1. Isu Larangan Salon Unisex

Dalam merealisasikan hasrat pengaplikasian nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, kerajaan Kelantan dengan slogan “Membangun Bersama Islam” menerusi Majlis Bandaraya Kota Baharu telah menguatkuasakan larangan perkhidmatan salon secara *unisex* sejak 25 September 2003 bagi memelihara kehormatan kaum wanita daripada mengalami gangguan seksual (MalaysiaKini, 2012). Kontroversi mula timbul apabila pada 20 November 2012, salah seorang pengusaha salon, Ong Lee Ting yang telah menjalankan perniagaan tersebut di KB Mall sejak tahun 2010 mendakwa pihaknya telah menerima 11 saman kompaun daripada penguat kuasa MPKB kerana melanggar peruntukan Seksyen 107 (2) Akta Majlis Undang-Undang Tempatan. Peruntukan ini menetapkan larangan kepada mana-mana wanita termasuk bukan Islam memotong rambut pelanggan lelaki ataupun sebaliknya. Isu ini cuba dikontroversikan oleh pelbagai pihak yang mendakwa tindakan tersebut

sebagai suatu usaha memperluaskan dasar undang-undang Islam terhadap rakyat bukan Islam serta bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Keadaan menjadi semakin keruh apabila sekumpulan ahli GERAKAN Negeri Sembilan cuba menimbulkan provokasi dengan sengaja mendapatkan perkhidmatan di salon berkenaan pada 11 Disember 2012 bagi mencabar keputusan tersebut (Lee Way Loon, 2012). Hal ini menyebabkan pihak MBKB terpaksa menangguhkan buat sementara waktu pelaksanaan peruntukan tersebut bagi membolehkan perbincangan dan dialog dengan masyarakat setempat diadakan terlebih dahulu (MalaysiaKini, 2012).

Peruntukan ini diwartakan kerana aduan oleh pelbagai pihak berkaitan tindakan sebahagian pengusaha kedai gunting rambut dan salon yang turut menjalankan kegiatan-kegiatan maksiat dan tidak bermoral seperti pelacuran dan rumah urut. Namun begitu, kegiatan-kegiatan ini telah cuba diselindungi oleh pihak pengusaha tersebut dengan perniagaan salon dan kedai gunting rambut. Oleh itu, pihak kerajaan negeri telah mengambil pendekatan menutup segala ruang yang boleh membawa kepada kegiatan tidak bermoral ini antaranya dengan menetapkan syarat setiap tukang gunting hanya dibenarkan menggunting dan mendandan rambut jantina sejenisnya sahaja. Tindakan yang diambil ini berdasarkan kaedah *sadd al-zara'i* iaitu pengawalan dan pencegahan mana-mana aktiviti yang boleh menjurus kepada maksiat dan dosa (Shukeri, 2015). Namun begitu, langkah penguatkuasaan ini ternyata telah mengundang polemik dalam masyarakat kerana ia tidak pernah diimplementasikan di mana-mana negeri yang lain. Pelbagai pihak memberikan komentar pro dan kontra berhubung isu ini. Maka, penilaian yang sewajarnya perlu dilakukan bagi memastikan kedudukan sebenar isu ini menurut perspektif Islam dan dasar perundangan tempatan.

Dalam isu yang dinyatakan, pihak bukan Islam secara dasarnya tidak terikat dengan larangan perkhidmatan yang membabitkan sentuhan sesama mereka yang berbeza jantina. Namun, penguatkuasaan tersebut dilihat lebih menekankan aspek penjagaan keselamatan dan maruah wanita yang sememangnya memiliki asas yang kukuh untuk dilaksanakan. Pihak berkuasa telah menggunakan peruntukan yang sewajarnya dalam isu ini berdasarkan kaedah pencegahan (*sadd al-dhari'ah*) bagi mengelakkan sesuatu perniagaan itu dieksploitasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab (Khairul Azhar, 2016). Meskipun tiada larangan secara jelas dan menjurus berhubung perkara tersebut, namun berdasarkan kaedah ini pihak pemerintah boleh mengambil sesuatu tindakan bagi mencegah dan mengawal mana-mana perkara yang

dirasakan boleh membawa keburukan dan kerosakan kepada masyarakat dan negara (al-Burhani, 1985). Pendekatan ini sebenarnya mampu memberikan kestabilan dan kemantapan dalam urusan pentadbiran dan pengurusan dasar-dasar kerajaan di mana sebarang unsur buruk dan negatif yang mampu mengancam keharmonian masyarakat dan negara mampu dikawal secara menyeluruh. Maka, usaha pihak kerajaan untuk membangunkan masyarakat dan negara dengan lebih berkesan mampu direalisasikan. Namun begitu, pendekatan ini perlu digunakan secara baik bagi mengelakkan ia disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu bagi menutup mulut pihak tertentu yang memberikan teguran atau nasihat membina kepada kerajaan dengan alasan untuk menjaga keselamatan awam dan sebagainya (Shukeri, 2015).

Tuduhan bahawa tindakan tersebut merupakan suatu bentuk pelaksanaan segregasi jantina merupakan dakwaan yang kurang berasas sebaliknya tujuan utama penguatkuasaan tersebut bagi menjaga keselesaan dan menyediakan ruang privasi yang secukupnya buat kaum wanita. Cubaan untuk memesongkan fakta isu tersebut merupakan suatu usaha bagi meraih publisiti politik semata-mata kerana pada dasarnya setiap pihak sememangnya bersetuju dengan pelunasan hak tersebut. Tidak timbul pencerobohan terhadap hak beragama bukan Islam kerana penjagaan maruah dan kehormatan wanita merupakan perkara yang telah disepakati secara bersama dalam memenuhi hasrat rukun negara iaitu kesopanan dan kesusilaan (Mohd Anuar, 2010).

4.2. Isu Garis Panduan Papan Iklan

Keputusan Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) untuk menguatkuasakan garis panduan pemasangan papan iklan bermula tahun 2013 merangkumi aspek penggunaan bahasa, landskap dan pakaian model iklan telah mencetuskan kritikan dan bantahan daripada pihak tertentu. Bantahan ini timbul disebabkan peruntukan yang menetapkan pakaian model dalam iklan tersebut perlu sopan dan tidak menjolok mata serta tambahan menutup aurat bagi model yang beragama Islam. Datuk Bandar Alor Setar, Datuk Mat Noh Ahmad telah mengambil pendirian tegas dengan memberi amaran kepada pengendali papan iklan agar mematuhi garis panduan tersebut atau berhadapan dengan kompaun sebanyak RM300 dan tindakan penurunan papan iklan. Pihak MBAS juga akan menjalankan Operasi Bersepadu Penguatkuasaan Papan Iklan secara berkala bagi memastikan pengiklan mematuhi syarat-syarat pengiklanan yang telah ditetapkan. Beliau juga menegaskan pihak MBAS tidak akan

meluluskan sebarang papan iklan yang mempromosikan pusat hiburan dan premis judi. Meskipun peruntukan ini diambil selaras dengan pewartaan Undang-Undang Kecil Iklan (MPKS) 1992 (Bahagian Kesihatan Awam), namun pengerusi MCA Kedah, Chong Itt Chew berpandangan sebarang penguatkuasaan peraturan tanpa rundingan dengan penduduk bukan Islam di negeri itu hanya akan menjejaskan dan mengelirukan mereka. Ketua Pemuda Gerakan Kedah, Tan Keng Liang pula beranggapan tindakan pihak MBAS sebagai menghina wanita bukan Islam. Ini kerana, frasa 'sopan' adalah bersifat subjektif dan tidak wajar ditafsirkan menurut kerangka Islam semata-mata (Mstar, 2012). Keadaan menjadi lebih tegang apabila Pengerusi DAP Kedah, Lee Guan Aik menegaskan bahawa parti itu akan menentang sebarang usaha menerapkan undang-undang berunsur Islam di negeri tersebut. Kenyataan tersebut seterusnya mengundang reaksi balas daripada Setiausaha Dewan Ulama PAS Kedah, Syeikh Zainol Asri Ramli yang menjelaskan bahawa pihaknya konsisten menyokong pelaksanaan garis panduan tersebut kerana semua masyarakat dunia sebenarnya membantah sebarang bentuk iklan yang mengeksploitasi wanita (MalaysiaKini, 2012).

Penggunaan wanita sebagai subjek pengiklanan merupakan antara strategi pihak pengiklan bagi menarik perhatian dan tumpuan masyarakat. Namun begitu, eksploitasi secara berlebihan terhadap wanita sebagai subjek pengiklanan terutamanya membabitkan aspek fizikal mereka dilihat telah mencetuskan situasi yang negatif. Bahkan, dalam sesetengah keadaan, fizikal wanita turut dieksploitasi terhadap iklan yang tidak mempunyai sebarang kaitan dengan diri mereka. Strategi ini digunakan kerana wanita dianggap mampu mempromosikan sesuatu produk atau perkhidmatan secara berkesan serta mempengaruhi minat para pembeli khususnya dalam kalangan lelaki (Ayunni et.al, 2018). Oleh itu, Kod Amalan Periklanan Malaysia Edisi Keempat telah diperkenalkan bagi mengawal selia iklan perdagangan supaya bersifat sopan, sah, jujur dan benar (ASA Malaysia, 2016). Berdasarkan kod ini, para pengiklan perlu memastikan pemaparan wanita sebagai subjek pengiklanan perlu dilakukan secara sopan dan berhemah. Hal ini kerana wujudnya dua segmen iklan berkaitan wanita yang saling bertentangan. Sebahagian iklan mengangkat wanita sebagai simbol kasih sayang dan kelembutan, penuh sifat keibuan dan kewanitaan, serta mempunyai gaya dan penampilan yang elegan. Namun dalam masa yang sama, wujud juga iklan yang menggambarkan wanita sebagai simbol seksual yang seksi, mengghairahkan dan mempesonakan bagi memancing minat pembeli (Anand & Tyagi, 2017). Ini menunjukkan bahawa penglibatan wanita

sebagai subjek pengiklanan berlaku secara tidak seragam di mana ada yang mengangkat martabat mereka dan tidak kurang juga yang bersifat merendahkan maruah serta harga diri mereka (Drake, 2017). Maka, penetapan kod amalan ini dilihat penting bagi memastikan tiada wanita yang dieksploitasi secara berlebihan seterusnya hak mereka lebih terpelihara.

Amaran berhubung eksploitasi terhadap wanita ini sebenarnya telah diperingatkan oleh Rasulullah SAW sejak dahulu lagi menerusi hadis berikut:

النِّسَاءِ مِنَ الرِّجَالِ عَلَى أَضْرَّ فِتْنَةً بَعْدِي تَرَكْتُ مَا

Terjemahan: Tidak aku tinggalkan selepas daripadaku yang lebih berbahaya ke atas kaum lelaki daripada wanita.” [Hadis Riwayat al-Bukhari (5096)]

Menurut al-Asqalani (2001), peringatan ini diberikan oleh Rasulullah SAW kerana antara fitnah terbesar yang akan muncul setelah kewafatan Baginda adalah wanita kerana sifat mereka yang boleh menimbulkan syahwat dan godaan terhadap kaum lelaki sama ada menerusi suaranya, rupa paras, pergerakan dan sebagainya. Maka, setiap pihak terutamanya kaum lelaki perlu lebih berhati-hati dan berwaspada dengan ancaman godaan tersebut. Namun begitu, Tahir ‘Asyur (2008) menjelaskan bahawa peringatan tersebut juga mengikat kaum lelaki agar tidak mengeksploitasi wanita sewenang-wenangnya kerana syariat Islam datang dengan tujuan menambahbaik keadaan dan urusan kaum wanita di samping mengangkat darjat dan peranan mereka sebagai ejen pembangunan ummah sama seperti lelaki. Dalam isu yang dibincangkan, syarat menutup aurat hanya ditetapkan kepada wanita beragama Islam sahaja. Bagi wanita bukan Islam pula, mereka hanya disyaratkan berpakaian sopan dan tidak mencolok mata. Aspek kesopanan merupakan nilai yang diterima secara universal dan bukannya dikaitkan dengan ajaran Islam sahaja. Maka, peraturan yang ingin dikuatkuasakan oleh pihak MBAS ini tidak boleh dilihat sebagai cubaan memaksakan penerapan nilai Islam terhadap golongan bukan Islam. Sebaliknya, ia perlu dipandang positif sebagai suatu usaha mengawal selia penglibatan wanita sebagai subjek pengiklanan berdasarkan bidang kuasa yang diperuntukkan iaitu menjaga keselamatan dan kesentosaan masyarakat. Dalam aspek pengiklanan, unsur utama yang perlu ditonjolkan dan dipromosikan adalah produk serta perkhidmatan yang ditawarkan, bukannya mempertaruhkan golongan wanita sebagai komoditi dan pelaris (Ayunni et al., 2018).

4.3. Isu Rampasan Minuman Keras

Isu ini bermula apabila pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) membuat rampasan minuman keras yang dipamerkan di sebuah premis kedai serbaneka di Seksyen 8, Shah Alam pada 29 Julai 2009. Kawasan ini mempunyai majoriti penduduk beragama Islam. Tindakan pihak MBSA tersebut mendapat bantahan daripada Exco Kerajaan Tempatan Selangor, Ronnie Liu. Beliau dilihat cuba campur tangan dalam isu tersebut sehari kemudiannya dengan mengarahkan arak tersebut dipulangkan semula kepada pemilik asal atas dasar wujudnya salah faham dalam isu ini. Namun begitu, arahan tersebut telah membawa kepada perbalahannya dengan Exco Hal Ehwal Islam, Dr. Hasan Mohamed Ali yang melihat tindakan Ronnie tersebut sebagai cubaan untuk mempengaruhi hal ehwal umat Islam. Isu ini segera diredakan apabila Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim mengarahkan agar kedua-dua exco tersebut berdiam diri sementara menunggu siasatan yang terperinci dilakukan (G. Manimaran, 2015). Isu ini merupakan rentetan daripada cadangan yang dikemukakan oleh Dr. Hasan Mohamed Ali pada Oktober 2008, agar pihak kerajaan Selangor memperkenalkan peraturan yang membataskan penjualan arak di kawasan majoriti penduduknya beragama Islam. Namun begitu, pelaksanaan cadangan ini terpaksa ditangguhkan terlebih dahulu bagi mendapatkan pandangan dan maklumbalas daripada pihak-pihak yang terlibat terutamanya para peniaga (Jimadie, 2008). Sebagai alternatif, kerajaan negeri telah memperkenalkan sistem kawalan sendiri (*self regulation*) terhadap semua kedai serbaneka dan premis yang menjual minuman beralkohol. Sistem ini akan mula dilaksanakan di kawasan Shah Alam dan akan diselaraskan di seluruh negeri Selangor sekiranya berjaya mencapai objektif yang ditetapkan (Azian, 2009).

Islam mengiktiraf hak golongan bukan Islam untuk mengamalkan ajaran dan kepercayaan agama mereka sendiri. Hal ini memperlihatkan ruang toleransi dan keanjalan Islam dalam menguruskan hubungan dengan penganut berbeza agama (al-Qardawi, 1992). Dalam konteks Malaysia, meskipun perbuatan meminum arak dan aktiviti yang mengundang kepada kegiatan tersebut merupakan suatu kesalahan jenayah bagi orang Islam menurut Enakmen Jenayah Syariah di setiap negeri, namun peruntukan tersebut sama sekali tidak mengikat golongan bukan Islam. Mereka sebaliknya hanya tertakluk kepada undang-undang

sivil yang berbentuk pengawalan sahaja dan bukannya pencegahan. Pihak Berkuasa Tempatan pula tidak diberikan bidang kuasa yang spesifik bagi mengawal penjualan arak tersebut sebaliknya tindakan mereka hanya bersandarkan kepada peruntukan undang-undang yang bersifat umum sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 101(1)(v) dan Seksyen 102(s) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Hal ini membolehkan mereka menetapkan peraturan tambahan yang dirasakan perlu dalam mengawal aktiviti tersebut seperti larangan pengoperasian premis dalam kawasan majoriti Muslim serta larangan penjualan arak kepada penganut Islam (Jasri dan Noryati, 2012).

Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007 sebagai contoh telah menetapkan bahawa sebarang permohonan lesen bagi apa-apa aktiviti tred, perniagaan dan perindustrian adalah tertakluk kepada syarat atau sekatan yang ditetapkan oleh PBT. Berdasarkan peruntukan ini, pihak PBT mempunyai kuasa untuk memasuki, menggeledah, menyita, menangkap, mengkompaun kesalahan serta mendakwa segala bentuk kesalahan melanggar syarat dan sekatan yang telah ditetapkan. Tindakan penguatkuasaan ini akan dilaksanakan oleh Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Pelesenan PBT dan kebiasaannya dijalankan secara bersepadu dengan agensi luar seperti Pejabat Tanah dan Daerah, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Agama Islam Selangor (*ibid.*). Selain daripada penguatkuasaan menerusi penetapan syarat tambahan pelesenan premis menjual arak, kerajaan negeri turut mengambil inisiatif tambahan dengan memperkenalkan sistem kawalan sendiri terhadap semua premis yang menjual minuman beralkohol. Menerusi pelaksanaan sistem ini, semua peniaga diberi kebenaran untuk mengawal dan memantau sendiri aktiviti penjualan minuman beralkohol. Mereka perlu memastikan poster larangan jualan terhadap orang Islam dan remaja bawah umur (18 tahun) ditampal di bahagian hadapan premis. Selain itu, peniaga juga digalakkan merekodkan maklumat pembeli jika timbulnya sebarang keraguan berhubung status agama pembeli. Minuman beralkohol tersebut juga perlu diselindungi daripada paparan umum serta kaunter bayaran berasingan perlulah diwujudkan bagi tujuan pembayaran minuman beralkohol.

Dalam isu ini, secara dasarnya Islam melarang keras penjualan arak kepada orang Islam oleh mana-mana sama ada daripada penjual Muslim sendiri apatah lagi bukan Islam. Pematuhan terhadap peraturan ini penting dalam memastikan pengekalan hak dan kebebasan beragama golongan bukan Islam. Hal ini kerana Islam telah memberikan kebebasan

dan ruang yang selayaknya kepada pihak tersebut untuk menjalankan aktiviti berkaitan arak dengan syarat tidak sehingga membahayakan keselamatan serta menjejaskan ketenteraman awam. Walau bagaimanapun, kelonggaran yang diberikan kepada golongan bukan Islam tersebut tidak bersifat mutlak sebaliknya tertakluk kepada tatacara dan sekatan yang diperuntukkan dalam hukum Islam iaitu larangan penjualan dan penonjolan produk berteraskan arak kepada umat Islam (Majid, 2001). Maka, sebenarnya tidak timbul dakwaan pelanggaran sensitiviti keagamaan dalam isu rampasan jualan arak oleh pihak MBSA ini kerana tindakan penguatkuasaan yang dilakukan hanya berdasarkan kesalahan oleh premis berkenaan yang melanggar syarat dan sekatan yang ditetapkan oleh pihak PBT. Larangan terlibat dengan sebarang transaksi berkaitan arak masih lagi dikuatkuasakan terhadap umat Islam sahaja dan tiada cubaan untuk meluaskan pelaksanaan undang-undang tersebut terhadap golongan bukan Islam.

5. Kesimpulan

Hubungan antara masyarakat berbilang agama di Malaysia memerlukan kepada sikap toleransi yang tinggi sesama mereka. Hal ini kerana interaksi yang berlaku setiap hari pasti akan membawa kepada kewujudan isu-isu tertentu kesan daripada interaksi tersebut sama ada positif mahupun negatif. Maka, kebijaksanaan setiap pihak dalam mendepani dan menangani isu yang berkaitan penting dalam memastikan keamanan dan kesejahteraan yang terbina sejak sekian lama ini mampu dikekalkan. Setiap isu perlu diperhalusi terlebih dahulu membabitkan latar belakang serta kesan yang timbul sebelum sesuatu keputusan mahupun tindakan dilaksanakan. Sikap terburu-buru dalam berhadapan dengan sesuatu isu yang tercetus dalam masyarakat berpotensi mengundang provokasi dan bantahan sehingga mencetuskan prasangka dan kekacauan dalam masyarakat. Berdasarkan analisis yang dilakukan, sebenarnya tidak berlaku sebarang elemen pemaksaan atau perluasan nilai-nilai Islam terhadap warganegara bukan Islam. Dakwaan bahawa penguatkuasaan peraturan tersebut sebagai bercanggah dengan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan dilihat sedikit tersasar kerana tindakan yang dilakukan oleh PBT terlibat dilihat masih lagi dalam kerangka umum bidang kuasa yang diperuntukkan kepada mereka menerusi Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Maka, setiap pihak perlu berfikiran lebih terbuka dalam isu ini serta mengelakkan sebarang bentuk provokasi bagi menjamin pengkalan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat di Malaysia.

Dalam masa yang sama, setiap penganut agama juga perlu menghormati hak dan batasan yang telah sekian lama ditetapkan serta berusaha mengawal diri daripada mengemukakan tuntutan dan tindakan yang akhirnya bakal merugikan pihak mereka sendiri. Perkara utama yang perlu difahami oleh setiap pihak adalah bagaimana merealisasikan tanggungjawab sebagai warganegara dengan mengaplikasikan konsep kesopanan dan kesusilaan yang dilihat semakin luntur dalam diri setiap penganut agama di Malaysia. Pemahaman yang jelas berkaitan konsep ini boleh membawa kepada pembinaan keharmonian dan kerukunan hidup seterusnya memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama.

6. Rujukan

- ‘Abd al-Hakim Ahmad Muhammad ‘Uthman. (2008). *Ahkam al-Ta’amul Ma’a Ghayr al-Muslimin wa al-Isti’ناه Bihim fi al-Fiqh al-Islami : Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah*. Iskandariah: al-‘Ilm wa al-Iman li al-Nasyr wa al-Tawzi’.
- ‘Abd al-Qadir ‘Awdah. (t.t). *al-Tasyri’ al-Jina’i al-Islam Muqaranan bi al-Qanun al-Wad’i*. Beirut: Dar al-Katib al-‘Arabi.
- ‘Atiyyah Saqar. (2011). *Ihsan al-Kalam fi al-Fatawa wa al-Ahkam*. Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Abdul Rahman Mahmood, Kamaruddin Salleh, Ahmad Sunawari Long & Faudzinaim Badaruddin. (2009). *Penerimaan Bukan Islam Terhadap Proses Islamisasi di Malaysia*. Jurnal Hadhari 2: 33-51.
- Abu al-A’la al-Mawdudi. (1946). *Nazariyyah al-Islam wa Hadayhi fi al-Siyasah wa al-Qanun wa al-Dustur*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. (1997). *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- al-Burhani, Muhammad Hisyam. (t.t). *Sadd al-Dhara’i’ fi al-Syari’ah al-Islamiyyah*. Beirut: Matba’ah al-Rayhani.
- al-Qardawi, Yusuf. (1992). *Ghayr al-Muslimin fi al-Mujtama’ al-Islami*. Qahirah: Maktabah Wahbah.
- al-Razi, Fakhr al-Din. (1981). *Mafatih al-Ghayb*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Anand, Meenakshi & Tyagi, Vani. (2017). Advertising: Boon or Curse for Women. *International Journal of Research in Economics and Social Sciences* Vol. 7, No. 3, 116-124.
- Ayunni Karim, Noor Naemah Abdul Rahman dan Mohd Anuar Ramli. (2018). Penglibatan Wanita Sebagai Subjek Pengiklanan Menurut

- Perspektif Hukum Islam. *Online Journal Research in Islamic Studies* Vol. 5, No. 2, 1-15.
- Bennard, H. R. (2011). *Research Methods in Anthropology: Qualitative and Quantitative Approaches*. Plymouth, UK: AitaMira Press.
- Creswell, J.W. (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approach*. London: Sage Publication.
- Drake, Victoria Elizabeth. (2017). The Impact of Female Empowerment in Advertising (Femvertising). *Journal of Research in Marketing*, Vol. 7, No. 3, 593-599.
- Ibn al-Qayyim. (1996). *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Syar'iyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Farhun. (t.t). *Tabsirah al-Hukkam fi Usul al-'Aqdiyah wa al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali. (2001). *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Riyad: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah.
- Jasri Jamal dan Noryati Anuar. (2012). Undang-Undang Kawalan Penjualan Arak Oleh Pihak Berkuasa Tempatan: Kajian Khusus Di Negeri Selangor Darul Ehsan. *KANUN* Vol. 24, No. 2, 213-239.
- Khairul Azhar Meerangani. (2016). Isu Semasa Terhadap Hubungan Sosial dengan Non-Muslim Di Malaysia daripada Perspektif Hukum Islam. (Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Majid Abu Rukhayh. (2001). *al-Wajiz fi Ahkam al-Hudud wa al-Qisas*. 'Ammān: Maktabah al-Aqsa.
- Mohammad Kamil Abdul Majid & Rahimin Affandi Abdul Rahim. (2006). *Islam Hadhari sebagai Wahana Ilmu untuk Kecemerlangan Umat Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohd Anuar Ramli. (2010). Bias Gender Dalam Masyarakat Muslim: Antara Ajaran Islam Dengan Tradisi Tempatan. *Jurnal Fiqh* 7: 49-70.
- Mohd Azhar Abdullah & Raihanah Abdullah. (2010). Peruntukan Undang-Undang Aurat dan Pakaian Sopan Menurut Bidang Kuasa Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam: Satu Huraian. *Jurnal Syariah* 18(2): 361-400.
- Mohd Daud Iraqi. (2000). Kelantan di Bawah Kepimpinan Ulama. Dlm. Harun Taib. (ed.) *Model Kerajaan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Ulama PAS Pusat.

- Muhammad Tahir bin 'Asyur. (2008). *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunisia: Dar al-Tunisiyyah li al-Nasyr.
- Shukeri Mohammad. (2015). Analisis Penggunaan Ijtihad dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan dari Tahun 1990 Hingga Tahun 2010. *Jurnal al-Basirah* 5(1): 23-40.
- Zainuddin Awang Hamat & Dinsman. (2000). Kepimpinan dan Pentadbiran Membangun Bersama Islam. Dlm. Dinsman (ed.). *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik.
- Azian Aziz. (2012). "Selangor Laksana Sistem Kawalan Sendiri Jual Arak". Laman sesawang *Utusan Malaysia*, dicapai pada 15 Disember 2017. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0807&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_09.htm.
- Bernamea. (2012). "Kedah Keluar 'Kod Pakaian' Model Papan Tanda Iklan Jumaat". Laman sesawang *Mstar*, dicapai pada 15 Disember 2017, <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2012/10/12/kehad-keluar-kod-pakaian-model-papan-tanda-iklan/#pfXxL1cdFuVgG5KB.99>
- Bernamea. (2012). "PAS Kedah Pertahan Garis Panduan Iklan Sopan". Laman sesawang *MalaysiaKini*, dicapai pada 12 Disember 2017. <https://www.malaysiakini.com/news/211809>.
- Bernamea. (2012). "Hadi: Perbincangan Terbaik Selesai Isu Salun". laman sesawang *MalaysiaKini*, dicapai pada 13 Disember 2017, <http://www.malaysiakini.com/news/215267>.
- Bernamea. (2012). "Pendandan Disaman Kerana Gunting Rambut Lelaki". Laman sesawang *MalaysiaKini*, dicapai pada 13 Disember 2017, <http://www.malaysiakini.com/news/214866>.
- G. Manimaran. (2012). "Krisis PAS-Ronnie: MB Arah Semua Tutup Mulut". Laman sesawang *Mstar*, dicapai pada 12 Disember 2017, <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2009/08/05/krisis-pasronnie-mb-arrah-semua-tutup-mulut/>.
- Jimadie Shah Othman. (2012) "PAS: Selangor Hanya Tunda Cadangan Ketatkan Jualan Arak. Laman sesawang *Malaysiakini*, dicapai pada 11 Disember 2017. <http://www.malaysiakini.com/news/94430>.

- Lee Way Loon. (2012). “Anggota Gerakan ke Kota Baharu untuk Khidmat Salun”. Laman sesawang *MalaysiaKini*, dicapai pada 14 Disember 2017, <https://www.malaysiakini.com/news/216444>.
- Lembaga Piawaian Pengiklanan Malaysia. (2016). “Kod Amalan Periklanan Malaysia”. Laman sesawang *ASA Malaysia*, dicapai pada 13 Disember 2017, <http://www.asa.org.my/code-bm.php>.